

CNS1748

R GB 21-06 00186 BH698

aab

Mahathir - Berjaya

LAWATAN KE CHINA ADALAH YANG PALING BERJAYA. KATA DR MAHATHIR

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

SHENZHEN. 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang dalam peringkat akhir lawatan rasmi ke China, hari ini menyifatkan lawatan itu sebagai yang paling berjaya daripada lawatan-lawatan lain ke luar negara yang telah diketuainya.

Perdana Menteri yang telah melawat banyak negara, khususnya negara-negara Selatan yang sedang membangun, dalam usahanya untuk menarik pelabur asing, memperluaskan perdagangan, mencari pasaran baru bagi barangan keluaran Malaysia atau mencari peluang pelaburan baru, kelihatan berpuashati dengan hasil lawatan ke China itu yang merupakan kedua olehnya sejak 1985.

"Saya fikir ini merupakan lawatan paling berjaya yang pernah saya ketuai setakat ini," katanya kepada wartawan-wartawan Malaysia pada persidangan akhbar di sini.

Dr Mahathir berkata bukan sahaja beliau berjaya mewujudkan hubungan secara langsung dengan pemimpin-pemimpin China pada peringkat kebangsaan dan wilayah, tetapi ahli-ahli perniagaan Malaysia yang turut serta bersamanya juga berjaya memperoleh banyak peluang perniagaan.

"Hasil daripada ini, sekarang wujud lebih persefahaman dan saling menghargai antara satu sama lain," katanya. -- Lagi.

♥21/06/18-55MST

CNS1756

R GB 21-06 00164 BH699

aab

Mahathir - Berjaya 2 Shenzhen

Katanya, ekoran lawatan itu, hubungan antara kedua-dua negara akan lebih erat dengan para pemimpin kedua-dua negara menikmati hubungan secara langsung.

Beliau juga yakin hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara akan lebih berkembang.

Perdana Menteri yang membawa bersama-samanya menteri-menteri kabinet kanan, Ketua-ketua Menteri, seorang Menteri Besar, pegawai-pegawai kanan, ahli perniagaan seramai 143 orang dan anggota kebudayaan seramai 17 orang melawat Beijing, wilayah berautonomi Xinjiang dan wilayah Yunnan serta Guangdong sejak 13 Jun.

Beliau akan berlepas ke pulau Hainan esok sebelum pulang ke Malaysia.

Semasa lawatan 10 hari itu, Perdana Menteri telah berbincang dengan Perdana Menteri Li Peng dan pemimpin China lain. Beliau juga mengunjungi gabenor-gabenor wilayah and datuk-datuk bandar bandaraya-bandaraya utama China.

Dr Mahathir berkata beliau secara peribadi banyak mendapat pengetahuan baru daripada lawatannya itu.

Katanya, walaupun seperti orang lain beliau banyak membaca mengenai kejayaan China, tetapi beliau tidak menyangka negara itu begitu maju. --
Lagi.

▼21/06/19-09MST

CNS1766

R GB 21-06 00159 BH700

aab

Mahathir - Berjaya 3 Shenzhen

"Ketika saya melawat ke sini pada 1985 tidak terdapat banyak bandar. Sekarang, bukan sahaja kamu melihatnya tetapi juga merasakannya. Tempat ini kepada saya nampak seperti Hong Kong," katanya merujuk bangunan-bangunan pencakar langit, bangunan-bangunan kondominium serta bangunan-bangunan moden yang terdapat atau sedang dibina di sini.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kenyataan awalnya semasa di Beijing mengenai pendirian terbaru China berhubung Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sama ada China bersedia atau tidak untuk memainkan peranan penting meniyakan konsep itu.

Katanya, beliau tidak membuat sebarang cadangan khusus kepada Beijing untuk meniyakan cadangan itu.

"Oleh kerana cadangan itu telah diterima oleh Asean, terpulang kepada Asean untuk menjayakannya. Bagi saya, saya gembira dengan komitmen China sekarang," katanya.

"Dengan tentangan kuat daripada Amerika Syarikat dan pendirian Jepun yang belum dipastikan, seseorang mungkin menjangka China akan mengubah pendiriannya. Tetapi pendirian mereka tetap. Apa lagi yang dimahukan?" tanya beliau. -- Lagi.

▼21/06/19-39MST

CNS1768

R GB 21-06 00082 BH701

aab

Mahathir - Berjaya 4 (Akhir) Shenzhen

Perdana Menteri menjelaskan lambat laun negara-negara Asia Timur akan menerima idea itu.

Sekarang, mereka telah mula bekerjasama dan saling membantu sesama sendiri dalam usaha-usaha pembangunan.

Katanya, belajar sesama negara dan saling membantu untuk kemajuan ialah satu daripada matlamat utama EAEC.

Matlamat lain ialah supaya negara-negara terbabit bercakap dengan satu suara ketika berdepan dengan negara-negara maju.

"Saya yakin ia akan tercapai suatu hari nanti," katanya. --Bernama.

▼21/06/19-43MST